

Headline **Guru menang Myvi**
Date **31 Jul 2009**
MediaTitle **Utusan Malaysia**
Section **Supplement**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
ADValue **6,997**

Language **Malay**
Page No **T5**
Article Size **354 cm²**
Color **Full Color**
PRValue **20,990**



JAMALUDDIN Aloi (memegang replika kunci) bersama keluarganya selepas menerima hadiah kereta Myvi baru-baru ini.

MEMBELANJAKAN RM85 untuk membeli dua buah koleksi buku terbitan Institut Terjemahan Negara Malaysia (ITNM), iaitu Bisik Warna tulisan Sasterawan Negara A. Samad Said dan Dunia Sophie tulisan Jostein Gaarder semasa Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2009 serta menghasilkan slogan terbaik, guru Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Burung, Tanjung Karang, Selangor berjaya membawa pulang sebuah kereta Perodua Myvi 1.3L SXi bernilai RM46,700.

Semasa majlis penyampaian hadiah peraduan "Beli Buku ITNM & Menangi Hadiah Bernilai RM100,000" di Bilik Pameran Perodua, Petaling Jaya, **Jamaluddin Aloi** menyatakan nalurinya kuat mengatakan dia dapat memenangi peraduan anjuran ITNM sempena PBAKL 2009 itu. Berkat slogan "Membongkar Rahsia Ilmu, Menjana Masyarakat Maju", Jamaluddin mahu menghadiahkan kereta tersebut kepada isterinya yang turut bekerja sebagai guru tadika di Sekinchan.

Hadir sama di majlis itu ada-

Headline **Guru menang Myvi**
Date **31 Jul 2009**
MediaTitle **Utusan Malaysia**
Section **Supplement**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
ADValue **6,997**

Language **Malay**
Page No **T5**
Article Size **354 cm²**
Color **Full Color**
PRValue **20,990**

lah Pengarah Eksekutif Perusahaan Automobil Kedua Sdn. Bhd. (Perodua), Zainal Abidin Ahmad, Ketua Pegawai Eksekutif AmInvestment Management Sdn. Bhd., Datin Maznah Mahbob, Pengurus Am Kanan Bahagian Pemasaran, Perodua Sales Sdn. Bhd. Katsumi Yoshida, dan Pengarah Urusan ITNM, Mohd Khair Ngadiron.

Peraduan anjuran bersama dengan Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM) dan Majlis Industri Buku Malaysia (MBIC) yang mendapat tajaan daripada Perodua serta AmBank Group turut memberikan

hadiah pertama kepada guru Sekolah Menengah Kebangsaan Jinjang, Kuala Lumpur, Amiruddin Md. Ali Hanafiah.

Beliau mempertaruhkan slogan "Rakyat Dapat Menambah Ilmu, Malaysia Pantas Maju, Minda Nombor Satu" untuk memenangi hadiah wang tunai sebanyak RM10,000.

Manakala tempat kedua diberikan kepada dua pemenang yang masing-masing memenangi wang tunai sebanyak RM5,000, iaitu Ahmad Najib Mohamad, pegawai bank, dan Chong Kwok Leong, jurutera Sistem Penerbangan Ma-

laysia (MAS). Selain itu, tempat ketiga (RM1,000) dan tempat keempat (RM500) masing-masing diberikan kepada 15 orang pemenang. Hadiah sagu hati (RM150) pula diberikan kepada 50 orang pemenang.

ITNM menganjurkan peraduan ini dengan matlamat untuk menghargai dan merupakan satu insentif kepada pembaca yang berusaha membudayakan intelektual dengan membaca semua buku terbitan ITNM. ITNM akan meneruskan peraduan ini pada PBAKL akan datang dengan tawaran hadiah yang lebih menarik.